

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/1998

=====

PERLAKSANAAN PENARIKAN BALIK LEVI YANG
DIKENAKAN KE ATAS PEROLEHAN HARTANAH OLEH
ORANG BUKAN WARGANEGARA/SYARIKAT ASING

Sebagaimana sedia maklum bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 36/95 yang bersidang pada 22/11/1995 meluluskan pengenaan levi keatas perolehan harta oleh Bukan Warganegara/Syarikat Asing sebanyak RM 100,000.00 yang dikenakan bagi setiap perolehan hartanah yang bernilai RM 250,000.00 keatas yang berkuatkuasa mulai 27/10/1995. Ianya adalah selaras dengan Sub-Seksyen 433 B (2) Kanun Tanah Negara 1965. Peruntukan ini telah dimasukkan di bawah Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 1996 selepas Kaedah 19 sebelum tajuk "Office Fees".

2. Walaubagaimanapun Jemaah Menteri pada 27/12/1997 telah menarik balik pengenaan levi keatas perolehan harta Bukan Warganegara/Syarikat Asing sebagaimana terkandung di dalam kertas Majlis Tanah Negara Bil. 2/B/1998. Keputusan Kerajaan Persekutuan tersebut, telah dimaklumkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi melalui surat Bil. KTKP (S) 07/11/3/20 Jld. (3) bertarikh 27/12/1997.

3. Dengan adanya keputusan Kerajaan Persekutuan, maka Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 2/98 yang bersidang pada 14/1/1998, telah bersetuju menerima pakai arahan berkenaan dan seterusnya meluluskan seperti berikut :

- (a) Menarik balik mengenai pelaksanaan bayaran levi yang dikenakan ke atas perolehan hartanah kepada Bukan Warganegara/Syarikat Asing mulai 29/8/1997.
 - (b) Membatalkan peruntukan mengenai pengenaan levi tersebut di bawah seksyen 19A di dalam Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 1966.
4. Sekiranya pembayaran levi telah dibuat/dikutip, maka adalah diminta supaya membayar balik (refund) kepada pemohon.
5. Dengan ini semua Pentadbir Tanah adalah diminta supaya melaksanakan arahan sepertimana para 3 kepada Pekeliling ini dan dengan keluarnya Pekeliling ini, maka Pekeliling PTG. Bil. 1/96 adalah dibatalkan.

T.T

(DATO' HAJI MOHD. ESA BIN SHARIFF)

Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 20 April 1998